

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 25 JANUARI 2024  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

## OPR kekal tiga peratus



**DASAR monetari dilihat kekal kondusif untuk mencatat pertumbuhan ekonomi yang mampan.** – GAMBAR HIASAN

## OPR kekal tiga peratus

**PETALING JAYA** – Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC), Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan Kadar Dasar Semula (OPR) dikekalkan pada tiga peratus.

Menurut bank pusat, pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan konsisten dengan penilaian semasa berhubung prospek pertumbuhan dan inflasi.

“MPC tetap berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

“Jawatankuasa ini juga akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil.” katanva.

Mengulas lanjut, BNM berkata, ekonomi global terus berkembang, didorong oleh permintaan dalam negeri berikutan keadaan pasaran pekerja yang teguh.

Terdapat beberapa tanda bahawa sektor elektrik dan elektronik semakin pulih, namun perdagangan global terus lemah, sebahagiannya disebabkan oleh perbelanjaan yang terus beralih kepada perkhidmatan berbanding sektor barangan.

“Walaupun ekonomi China terus menunjukkan tanda-tanda keadaan bertambah baik, namun pemulihan ini kekal sederhana berikutan kelemahan dalam pasaran harta tanah,” jelasnya.

Selain itu, inflasi keseluruhan dan inflasi teras global menurun sedikit, namun terus melebihi kadar purata.